

**Headline** Pencapaian Utama Kajian Separuh Penggal RMK-9(2006-2007...  
**Date** 27. Jun 2008 **Language** MALAY  
**Media Title** Utusan Malaysia **Page No** 19  
**Section** Dalam Negeri **Article Size** 245 cm2  
**Circulation** 238082 **Frequency** Daily  
**Readership** 833287 **Color** Full Color



## PENCAPAIAN UTAMA KAJIAN SEPARUH PENGAL RMK-9 (2006-2007)

### TERAS 1

- Ketibaan pelancong mencecah 21 juta orang berbelanja RM46.1 bilion pada 2007 berbanding 16.4 juta pelancong berbelanja RM31.9 bilion pada 2006.
- Seramai 637,975 pesakit asing menerima rawatan menyumbang pendapatan RM457.5 juta dalam bentuk tukaran mata wang asing.
- Pendaftaran pelajar asing seramai 92,318 orang menjana pendapatan sebanyak RM1.4 bilion dalam bentuk tukaran mata wang asing.
- Jumlah aset domestik bagi kumpulan perbankan asing meningkat kepada RM111.6 bilion pada 2007 daripada RM88.8 bilion pada 2005.
- Malaysia menguasai 27 peratus premium takaful global bernilai AS\$1.7 bilion pada 2007.
- Pada akhir 2007, sejumlah 68.9 peratus sukuk global berasal dari Malaysia.
- Pendapatan jualan mencecah RM293.9 bilion pada 2007 daripada RM198.1 bilion pada 2005.
- Dianggarkan nilai transaksi perdagangan elektronik meningkat kepada AS\$20.9 bilion pada 2007 daripada AS\$8.8 bilion pada 2005.
- Jumlah nilai eksport komoditi pertanian meningkat kepada RM52.4 bilion pada 2007 daripada RM37.5 bilion pada 2005.
- Penembusan internet meningkat kepada 19.3 peratus untuk 100 isi rumah pada 2007 berbanding 7.0 peratus untuk 100 isi rumah pada 2005.
- Sejumlah 32,964 kilometer (km) jalan dinaik taraf atau dibina, termasuk 4,824 km di Sabah dan 7,258 km di Sarawak.

### TERAS 2

- Sebanyak 300 buah sekolah di luar bandar dengan 120,000 pelajar mendapat manfaat daripada bekalan air bersih.
- Semua sekolah di kawasan luar bandar Sarawak dan 72 peratus di Sabah dibekalkan dengan bekalan elektrik yang sempurna.
- Pendaftaran di sekolah awam dan pra sekolah swasta meningkat kepada 753,027 orang pada 2007 berbanding 702,897 orang pada 2005.
- Penubuhan pusat akses internet di 40 peratus sekolah rendah, atau 3,025 sekolah rendah. Kakitangan akademi yang mempunyai ijazah PhD meningkat kepada 31.6 peratus pada 2007 daripada 26.6 peratus pada 2005. (Universiti Putra Malaysia mencapai 64 peratus manakala Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia masing-masing mencapai 51 peratus dan 50 peratus pada 2007).
- Seramai 195,000 belia menerima manfaat daripada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan seramai 1,016,749 peserta mendapat manfaat daripada program Biro Tatanegara.